

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, May 21, 2018 8:29 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Aneka Juadah Di Bazar Ramadan Pusat Islam – Kebab, Sate, Ayam Gunting, Salad Buah, Kuih, Lauk-Pauk



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

21 MEI 2018 / 5 RAMADAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

ANEKA JUADAH DI BAZAR RAMADAN PUSAT ISLAM – KEBAB, SATE, AYAM GUNTING, SALAD BUAH, KUIH, LAUK-PAUK



UUM ONLINE: Aneka juadah makanan dan minuman yang lazat termasuk citarasa timur tengah menarik perhatian ramai warga kampus ke Bazar Ramadan, di perkarangan Pusat Islam UUM bermula 1 Ramadan.

Menurut Pengarah, Prof. Madya Dr. Ismail Ishak, Bazar Ramadhan 1439H merupakan salah satu inisiatif Pusat Islam mencari dana bagi membiayai jamuan berbuka puasa setiap hari di Masjid Sultan Badlishah, Masjid Imam Ash-Shafi'e dan Surau Laluan C.

"Kami mengalu-alukan warga kampus untuk mengunjungi bazar untuk membeli makanan yang dijual oleh staf, masyarakat dan pelajar termasuk dari Palestin, Syria dan Indonesia yang menghadirkan citarasa negara masing-masing.

“Menariknya, ramai pelajar bukan Islam turut memeriahkan bazar Ramadan bagi mendapatkan makanan kegemaran masing-masing selain memberi pendedahan mengenai bidang keusahawanan sebelum melangkah ke alam pekerjaan,” katanya.

Pengunjung juga boleh terus berbuka puasa yang disediakan secara percuma di Masjid Sultan Badlishah dan berharap program ini diteruskan pada masa akan datang sekali gus membantu menambah rezeki peniaga.

Waktu perniagaan bermula dari jam 3 petang sehingga 7.30 petang yang menyaksikan 23 gerai menanti pengunjung antaranya kuih muih, nasi berlauk, nasi dagang, nasi kerabu, ayam gunting, manisan dan salad buah.

Sementara itu, Abdal Halim M.A Abu Mamous dari Palestin menjual kebab yang kaya dengan ramuan istimewa rempah ratus, menggunakan roti dan daging menghasilkan aroma yang menyelerakan.

“Masuk sahaja Ramadan umat Islam mendapat rahmat dan setiap amalan mendapat ganjaran besar daripada Allah, begitu juga limpahan rezeki.

“Program ini memberi manfaat kepada pelajar untuk menonjolkan nilai keharmonian Islam dalam diri sekali gus membuka minda mahasiswa tentang perniagaan sebagai 9/10 daripada punca rezeki,” ujarinya.

Manakala Ronaldo Mandali teruja menimba pengalaman serta menambah duit poket di bulan yang mulia dengan menjual Salad Buah yang berkhasiat.

“Alhamdulillah sambutan yang diterima sangat menggalakkan walaupun pertama kali berniaga di bazar Ramadan, salad buah habis dijual sebelum masuk waktu berbuka,” ujar Pelajar Sarjana Perniagaan Antarabangsa yang berasal dari Padang, Indonesia.

Ronaldo menjalankan perniagaan bersama rakan-rakan yang turut menjual pisang goreng coklat, popia, murtabak, bakwan dan sate.

“Insya-Allah kalau kita rajin dan berani ketengahkan idea yang kreatif kita akan berjaya, yang paling penting jangan mudah berputus asa dan sentiasa berusaha,” pesannya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.